

KEPENTINGAN TEORI DAN ILMU SOSIOLOGI DALAM KONTEKS PENDIDIKAN MENURUT PERSPEKTIF IBNU KHALDUN

Aimi Khairunnisa Binti Abdul Karim dan Nurliana Suhaini

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka
aimikhairunnisa@kuim.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini menumpukan perhatian kepada kepentingan teori dan ilmu sosiologi melalui perkembangan ilmu pengetahuan dalam konteks pendidikan yang berkaitan dengan peradaban Islam dan tamadun dunia. Berasaskan perspektif Ibnu Khaldun yang merupakan pelopor dalam ilmu teori kemasyarakatan dan sosiologi, beberapa pandangan dan sumbangan beliau dikemukakan dalam artikel ini. Antara intipati penting ialah perubahan pendidikan yang menyumbang ke arah ketamadunan ilmu pengetahuan dan idea-idea utama beliau dalam ilmu sosiologi. Usaha Ibnu Khaldun dalam mempertahankan dan mentafsir sesbuah peradaban keseluruhannya adalah mengikut acuannya yang tersendiri. Rumusnya, kematangan Ibnu Khaldun sebagai pemikir Islam ke arah pembangunan insan jelas terbukti apabila buah pemikirannya masih relevan sehingga kini.

Kata Kunci : Teori, Ilmu, Pendidikan, Ibnu khaldun

*The Importance of Theory and Sociology in the Context of Education:
Ibn Khaldun's Perspective*

ABSTRACT

This article focuses on the importance of sociological theory and knowledge through the development of knowledge in the context of education related to Islamic culture and civilization of the world. Based on the perspective of Ibn Khaldun who was a pioneer in social theory and sociology of science, the views and contributions presented in this article. The essence is that education changes that contributed to the civilization of knowledge and main ideas in his sociology of knowledge. Effort Ibnu Khaldun in defending and interpret a civilization overall is follow mould that distinctive. The rule, maturity Ibnu Khaldun as Islamic thinker towards clear human development proven when the thinking fruit still relevant to date.

Keywords: theory, knowledge, education, Ibn Khaldun

PENGENALAN

Tradisi keilmuan di dunia Islam menyaksikan perkembangan ilmu pengetahuan semakin berkembang merentasi waktu dan tempat. Ramai ulama, intelektual, pemikir dalam pelbagai bidang telah mewariskan karya-karya hebat mereka dalam pelbagai bidang ilmu. Secara tidak langsung peradaban manusia sejagat dapat dibina dan dibangunkan dengan sumbangan yang telah mereka curahkan di samping memperkayakan khazanah keilmuan dalam Islam. Sebahagian daripada gagasan dan pemikiran mereka telah melampui zaman mereka sendiri. Ilmu-ilmu yang mereka curahkan sangat hebat dengan adanya kesepaduan antara ilmu-ilmu naqli dan aqli. Berbanding dengan ulama, pemikir dan cendekiawan pada masa kini yang kebanyakannya hanya mempunyai kepakaran dan pengkhususan yang terhad serta hanya mampu bercakap dalam bidangnya sahaja.

Kajian sosiologi bermula dengan melakukan permerhatian terhadap kehidupan sosial yang memainkan beberapa peranan asas. Pentingnya kewujudan sesuatu teori adalah hubungan penerangan antara kesan spesifik. Teori dalam sosiologi selalunya berdasarkan kajian empirikal dan tujuannya untuk mengenali serta memahami sebab-musabab berlakunya tingkah laku sosial. Tambahan lagi, ahli sosiologi selalu mencuba dan bergantung kepada sesuatu kemungkinan andaian. Sebarang teori sosiologi adalah boleh digunakan untuk membuat ramalan yang tepat mengenai tingkah laku manusia di masa depan. Ahli sosiologi percaya mengenai disiplin sosiologi yang memperlengkapkan tiga kepentingannya. Pertamanya, teori dan ilmu sosiologi dapat meningkatkan kebolehan masyarakat dalam kehidupan. Jika seseorang itu bekerja dengan sesiapa sahaja dalam komuniti yang berbeza, mereka dapat memahami secara tepat bagaimana komuniti itu bersosial sepertimana seseorang itu boleh berhubung dan berkomunikasi dengan baik serta memberi inspirasi untuk lebih bekerja secara kolektif. Seterusnya teori dan ilmu sosiologi dapat menyatakan isu sosial dengan lebih berkesan. Setiap kajian mengenainya mesti ada kekuatan dan kekurangan dalam setiap sudut. Terakhirnya, teori dan ilmu sosiologi turut memberi peluang dalam kehidupan dengan berdasarkan semua peristiwa bagi seseorang untuk membuat keputusan yang penting dalam memperlengkapkan maklumat yang ingin dipilih secara baik untuk kepentingan semua.

PERKEMBANGAN AWAL ILMU PENGETAHUAN

Beberapa tokoh keilmuan Islam yang hebat mengenai ilmu kemasyarakatan antaranya ialah Ibnu Khaldun. Tokoh ilmuan ini banyak membahaskan beberapa aspek utama dalam ketamadunan Islam dan telah menghasilkan hasil karya yang hebat dan amat menyerlah serta disanjung zaman berzaman. Seharusnya pemikir zaman kini haruslah peka terhadap masa depan umat Islam dengan mengambil iktibar terhadap detik-detik sejarah silam yang lalu iaitu zaman kejatuhan tamadun Islam. Para ilmuan Islam di sepanjang sejarah telah cuba menterjemahkan atau mengukuhkan dasar-dasar umum tersebut dari semasa ke semasa (Faisal Othman 1993). Hasilnya kerana sewaktu kejatuhan umat Islam itulah berlakunya perkembangan ilmu pengetahuan dunia yang amat pesat.

Kini umat Islam semakin lama semakin mengalami krisis nilai dan menerima segala nilai baru tanpa mengira sama ada ia serasi atau tidak dengan agama Islam. Kepincangan ini berlaku atas dasar aliran liberalisme dan sekularisme yang mendasari sistem pendidikan. Maka muncullah para akademik yang liberal dan sekular yang menganggap perkembangan dan kemajuan ilmu pengetahuan serta ketinggian intelektual tidak ada hubung kaitnya dengan pembentukan peribadi dan spiritual. Kesedaran seharusnya timbul dalam diri setiap umat Islam kerana Islam itu adalah satu dasar hidup yang lengkap. Senario umat dan negara Islam yang terus menerus bergantung kepada Barat untuk sumber sains dan teknologi seharusnya dielakkan kerana ini akan menjadi punca kepada kelemahan dan kelesuan umat dan negara Islam semasa.

Kelemahan dan kelesuan umat Islam dalam menghadapi limpahan asakan tamadun Barat dapat diatasi dengan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Hanya orang yang berilmu mampu untuk berhadapan dengan segala bentuk cabaran dan ancaman yang mendatang. Satu pengajaran yang terbaik dan tidak lapuk dimamah zaman ialah dengan mengamalkan dan menjadikan perjuangan serta pengorbanan Rasulullah s.a.w dalam membangunkan tamadun Islam. Bertitik tolak dengan perkembangan kelahiran Islam di Makkah dan kemunculan kerajaan Islam pertama di Madinah merupakan detik bersejarah sebuah tamadun baru yang merubah sejarah dunia selamanya. Akhlak dan bimbingan Rasulullah bersama para sahabat telah berjaya menyatukan penduduk tanah Arab yang terdiri daripada pelbagai bangsa dengan ikatan akidah dan ukhwah yang teguh.

Keteguhan mereka telah menyaksikan bahawa dunia dari abad ke 7 sehingga ke 18 Masihi telah didominasikan dan dicorak oleh tamadun Islam. Sejarah juga telah merakamkan bagaimana tamadun Islam telah melahirkan ramai sarjana ulung dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan. Azam Hamzah (2006) juga menyebut bahawa dalam tempoh itu, kemajuan ilmu sains dan teknologi serta ilmu-ilmu lain di dunia Islam tidak dapat ditandingi oleh mana-mana bangsa atau negara lain. Maka lahirlah di setiap ibu kota pemerintahan Islam, khususnya kota Baghdad di Asia, kota Cordova di Eropah dan kota Iskandariah di Afrika dengan pelbagai kegiatan keilmuan dan kebudayaan dengan pesat serta disertai dengan segenap lapisan masyarakat.

Ramai ilmuan serta cendekiawan Islam telah menyumbang kepada pembangunan sains dan teknologi serta ilmu-ilmu dunia yang lain. Mereka inilah yang meletakkan batu asas kepada kemunculan Zaman Baru di Eropah yang akhirnya menjadi titik permulaan kelahiran tamadun Barat moden yang dahulunya berada dalam Zaman Gelap. Tetapi dengan adanya sinar ilmu Islam dan usaha-usaha mereka menterjemah serta mempelajari pelbagai bidang ilmu dari dunia Islam di Andalus. Kesan daripada usaha itu telah menyebabkan mereka kini bangkit menjadi kuasa besar dunia yang baru. Perubahan dalam perkembangan ilmu pengetahuan itulah telah menyaksikan tamadun dunia Eropah telah mengalami arus perubahan kemodenan dengan mengambil kesempatan terhadap kealpaan dan kelekaan umat Islam pada masa itu dan memanfaatkan peluang yang ada dengan sebaik-baiknya.

PERKEMBANGAN ILMU PENGETAHUAN DALAM KONTEKS PENDIDIKAN

Pendidikan selalu mengalami perubahan dan pembaharuan. Perubahan dalam pendidikan terjadi kerana adanya pengaruh-pengaruh yang saling memperkuatkan antara satu sama lain yang akhirnya melahirkan suatu yang baru. Adanya tenaga yang mendorong dari masyarakat sendiri misalnya kerana wujudnya penemuan-penemuan baru sosial. Terdapat juga pengaruh dari luar seperti adanya kebudayaan asing (disfusi dan asimilasi). Usher et al (2007) menegaskan dalam situasi pascamoden ilmu pengetahuan sentiasa mengalami perubahan. Perubahan-perubahan dalam pendidikan kesan daripada pascamodenisme yang banyak dirujuk oleh Lytord (1984). Perkembangan pendidikan adalah memenuhi citarasa ekonomi dan budaya pascamoden. Menurut Lytord “status ilmu pengetahuan akan diubahsuai sebagaimana masyarakat memasuki era pascaindustri dan budaya era pascamoden”. Kini zaman di mana berlakunya penumpuan kepada penggunaan teknologi maklumat, kekuasaan akan bergantung kepada sejauh mana sesuatu pihak mengakses maklumat. Umumnya terdapat persaingan hebat untuk menguasai teknologi maklumat di kalangan pelbagai pihak.

Pendidikan dengan pelbagai sistem, bentuk, corak, dasar, falsafah dan amalan telah membawa paradigma yang tidak terbatas kepada ruang, masa dan tempat. Dan ia sesuai dengan sifat pendidikan itu yang bersifat telus dan dinamik. Perubahan yang berlaku dalam pendidikan tidak dapat dielakkan (Mohamed Sani et al 2008). Malah sejak kebelakangan ini pendidikan sudah melepassi garis sempadan dan wilayah. Muncul paradigma baru pendidikan yang lebih bercorak massa, komersial, global dan berpanjangan sifatnya sesuai dengan istilah ‘pendidikan sepanjang hayat’ (*life long education*). Tidak ada lagi halangan dan bayangan ‘elitis’ dalam pendidikan; bermakna peluang dan ruang merata kepada setiap ahli masyarakat (Abdul Rahim 2006).

Amir Hasan Dawi (2009) mengatakan pendidikan adalah salah satu dari institusi yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan generasi masa depan. Pelaburan dalam bidang pendidikan merupakan satu pelaburan yang menyediakan sumber manusia untuk kepentingan negara (Abdul Razak et al 2008). Kualiti sumber yang produktif bergantung kepada tahap pendidikan yang diterima. Seterusnya merupakan asas untuk mencipta modal manusia (*human capital*). Dalam persekitaran yang berubah dan memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang terkini bersesuaian dengan zaman informasi, skop dan jenis tugas juga pun berubah.

Perubahan inilah yang dikatakan oleh tokoh ilmuan Islam terkenal iaitu Ibnu Khaldun. Walaupun Ibnu Khaldun hanya menggunakan perkataan pengajaran dan perusahaan yang menerangkan maksud pendidikan dan teknologi terkini, beliau membahaskan bahawa dengan adanya daya ilmiah dan semakin banyak seseorang itu dengan menguasai ilmu maka mereka ini akan mudah untuk mempelajari ilmu-ilmu yang lain. Beliau juga membahaskan masalah-masalah pendidikan dan pengajaran serta jiwa manusia sebagai pembahasan yang bernilai dalam karya agungnya *Mukaddimah*. Perbahasan beliau membincangkan pelbagai ilmu pengetahuan, kaedah pengajaran serta kondisi yang sewaktu dengannya. Pendapat beliau tentang kehidupan manusia pada asasnya manusia itu bodoh dan menjadi

berilmu dengan pencarian ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan dan pengajaran merupakan hal yang penting dialmai dalam peradaban manusia sejagat.

LATAR BELAKANG IBNU KHALDUN (1332M-1406M)

Ibnu Khaldun atau nama sebenarnya ialah Abu Zaid Abd Rahman bin Muhammad bin Khaldun lahir pada tahun 732H/1332M dan meninggal dunia pada tahun 808H/1406M di negeri Tunisia Afrika Utara. Beliau berasal dari keluarga cendiakawan yang berjaya dengan penghasilan beberapa jabatan ilmiah dalam pemerintahannya dan merupakan seorang penulis Islam yang terkenal. Sebagai seorang sarjana beliau bukan sahaja memerhati dan mengumpulkan bahan-bahan empirik tentang manusia dan masyarakat tetapi juga menganalisis dengan sistematik sehingga beliau diterima dan digelar ahli sains sosial dan pengasas kepada ilmu sosiologi (Rohana Yusof 1996). Ramai pengkaji yang mengkaji karya-karya Ibnu Khaldun telah menyimpulkan bahawa Ibnu Khaldun adalah salah seorang pemikir Islam yang paling mendapat perhatian kerana kepelbagaian kajiannya. Kepelbagaian yang dimaksudkan ialah kajian-kajian beliau yang meliputi pelbagai bidang seperti ilmu sejarah, ekonomi, politik dan sosial.

Pemergian ibu bapa beliau pada usia remaja menjadi salah satu faktor yang mengurangkan dirinya terikat dengan keluarga dan memberikan kesempatan kepada dirinya mengembara serta terjun ke dunia politik. Memetik ucapan Roger Garaudy mengenai Ibnu Khaldun dalam Majalah Al-Hilal “*beliau adalah satu sumber-sumber agung yang subur yang dibanggakan oleh sosialisme ilmiah pada umumnya dewasa ini dan sosialis Arab pada khususnya*”. Beliau pernah menjadi seorang tokoh yang pernah satu ketika disayangi raja, tetapi pada ketika yang lain berada dalam kedukaan yang mengaibkan, bahkan pernah beliau dipenjarakan selama dua tahun kerana ucapannya yang mengatakan pemerintah-pemerintah negara bukanlah wakil tuhan atau manusia suci.

Beliau banyak menimba ilmu pengetahuan daripada pemerhatian sepanjang kerjaya beliau yang terdahulu dan melihat kebangkitan serta keruntuhan banyak negara (Saleh Faghirzadeh 2004). Jangka hayat beliau hidup adalah antara abad ke 14M dan 15M bertepatan dengan abad ke 8H dan ke 9H di mana Mesir jatuh dalam kekuasaan kerajaan Mamluk dan Baghdad jatuh ke dalam Tatar (654-923H) .Kejatuhan itu membawa kesan negatif pada perkembangan bahasa, sastera dan kebudayaan Arab. Pada masa yang sama, kerajaan Muslim di Andalusia mulai runtuh, satu persatu kota utama kerajaan tersebut jatuh ke tangan orang-orang Kristian. Ulama dan sasterawan Baghdad serta sebahagian daripada ulama-ulama Andalusia mula berhijrah ke Mesir. Cairo pada masa itu dijadikan sebagai pusat peradaban dan *Khilafah Islamiyah*. Manakala pada abad ke 8H (abad ke 14M) adalah masa perubahan dan transisi di seluruh dunia. Perubahan dan transisi ke arah perpecahan dan kemunduran di dunia Arab, tetapi ianya merupakan zaman kebangkitan di dunia Barat (Gamal Abdul Nasir Zakaria 2003). Beliau meninggal dunia dalam tahun 1406M ketika berusia 74 tahun dan bersemadi perkuburan Sufi, Kaherah.

SUMBANGAN IBNU KHALDUN SEBAGAI ILMUAN ISLAM

Khidmat Ibnu Khaldun banyak disumbangkan sebagai cendekiawan, pendidik dan majistret. Reputasi hebat beliau telah mengangkat beliau dalam kalangan cendekiawan Universiti Al-Azhar yang berpusat pengajian di Kaherah. Kebanyakan ilmu beliau ialah dengan mengetengahkan teori kemasyarakatan dan idea perpaduan nasional kepada sejarah Mesir dan sejak zaman Saladin. Orientasi Ibnu Khaldun dapat dilihat dengan dua orientasinya yang pertama iaitu cintakan belajar dan ilmu pengetahuan manakala yang kedua ialah cintakan pemerintahan. Kehidupan Ibnu Khaldun merangkumi tiga tempoh kehidupan. Tempoh pertama ialah tempoh aktiviti politik yang berlangsung selama 20 tahun, tempoh yang kedua ialah tempoh pengasingan dan pembukuan karya beliau di kubu “Ibnu Salama” selama 5 tahun dan tempoh yang ketiga ialah tempoh yang dipenuhi dengan hal perundungan dan kehakiman, mengajar dan menulis yang selagi lagi mencecah 20 tahun (Saleh Faghizadeh 2004).

Aspek-aspek pemikiran Ibnu Khaldun adalah pelbagai yang meliputi ilmu sejarah, ilmu ekonomi, politik, sosial dan tawasuf. Tetapi idea - idea beliau yang menarik dalam bidang sosiologi telah membuatnya digelar perintis ilmu sosiologi. Dapat dilihat kajian orang-orang barat terhadap pemikiran Ibnu Khaldun lebih banyak berbanding kajian para ilmuan muslim sendiri. Karya-karya beliau sangat hebat sehingga dikatakan harta karun yang berharga dan tidak akan habis untuk mendalaminya (Zainab al-Khudairi 1979). Antaranya karya beliau yang agung ialah tentang sejarah umum dan universal (*Sejarah Ibnu Khaldun*) yang dinamakan *Kitab al-Ibrar* atau *Buku Mengenai Pengalaman atau Pengajaran*. Karya yang terulung merangkumi jilid pertama beliau iaitu *Pendahuluan Sejarah* atau *Mukaddimah* atau *Prolegomena* yang bertujuan memberi arah kepada pembaca iaitu sebelum beliau menghuraikan sejarah umum masyarakat manusia. Beliau meletakkan sejarah ke dalam acuan analisis dialektik dan mencuba sains baru “*Ilm al-Umran*” iaitu Sains Pembangunan atau Sains Sosiologi.

Wan Hashim (1986) mencatatkan Ibnu Khaldun banyak memperkenalkan konsep-konsep umum tentang masyarakat sebelum munculnya ahli-ahli sosiologi moden pada kurun ke 19 dan kurun ke 20. Perbandingan yang dibuat oleh beliau mengenai masyarakat desa dan masyarakat bandar telah diperkenalkan semula oleh Robert Redfield dalam abad ke 20 melalui konsep *folk continuum*. Konsep *assabiyah* dalam kerajaan Mesir dalam melihat perhubungan sosial organis oleh Emile Durkheim dan konsep *Gemeinschaff* atau *Gesellschaft* oleh Ferdinand Tonnies. Saranan beliau dalam membincangkan konsep solidariti ialah kekuatan penyatuhan anggota dalam kelompok kecil yang berlandaskan semangat kesukuan (*assabiyah*) dapat membina suatu sistem pemerintahan yang besar dan teguh. Kesannya kerana adanya rasa persaudaraan yang kuat yang lebih besar untuk kekuatan diri dan pertahanan daripada serangan musuh.

Bidang sosiologi sejarah dalam karyanya *Mukaddimah* pula menyentuh perkaitan atau perhubungan yang rapat antara dokumentasi kejadian dan penggalakkan yang berlaku dalam masyarakat pada masa lampau untuk dibuat perbandingan dengan masyarakat masa kini. Selain itu juga, beliau menyentuh dan memperkatakan tentang ekonomi seperti aspek pengeluaran, perdagangan setempat dan antarabangsa, perubahan harga barang dan juga berpendapat ada hubungan yang rapat antara ekonomi dan politik. Penyelidikan beliau banyak

menyumbangkan kepada aspek kaedah penyelidikannya yang dianggap mempunyai aspek teori dan empirik, dibuat secara pemerhatian dan membuat analisis yang sistematis dalam mencari hukum-hukum sosial.

PANDANGAN IBNU KHALDUN MENGENAI PERUBAHAN PENDIDIKAN KE ARAH KETAMADUNAN ILMU PENGETAHUAN

Zaman ini sering dikaitkan dengan zaman kebangkitan Islam (*al-nahdah*) dan manusia global yang kita mahu bina juga seharusnya berupaya menjadi manusia perubah (*al-insan al-nahdah*) yang selaras dengan panduan Islam yang telah ditetapkan. Manusia sebagai agen-agen perubah yang proaktif. Perubahan pada masyarakat manusia pada prinsipnya terletak di bahu manusia sendiri (Al-Anfal:53) yang merujuk firman Allah yang membawa maksud '*bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri yang mengubahnya*'. Peradaban ialah permulaan dan pengakhiran perkembangan sosial dan organisasi politik. Manusia dilahirkan bersifat sosial secara semula jadi.

Masyarakat berkembang kerana manusia berupaya menjalin kerjasama dengan orang lain demi memuaskan keperluan semula jadi mereka. Orang kampung atau nomad dalam masyarakat primitif pada asasnya mencari kepuasan keperluan atas mereka daripada makanan. Manakala orang bandar pula mencari keperluan ekonomi, intelektual, dan kerohanian yang lebih tinggi. Organisasi politik atau negara muncul daripada keperluan individu dan sosial terhadap kawalan diri, perundingan, pertahanan dan kemakmuran. Kajian beliau melalui *Mukaddimah* menekankan dua prinsip saintifik yang penting. Pertamanya ialah hukum sebab musabab atau sebagaimana yang beliau horaikan "setiap peristiwa, sama ada objek ataupun tindakan mempunyai tempatnya yang tersendiri". Manakala prinsip kedua ialah saling kebergantungan antara fenomena sosial. Bagi memahami sesebuah masyarakat, seseorang itu terlebih dahulu mestilah mengkaji ciri-ciri masyarakat tersebut. Bertitik dengan setiap organisasinya dari individu dan kelompok yang paling ringkas serta seterusnya membawa kepada negara politik yang tersusun. Kesemua ini melibatkan dengan kefahaman (*fahm*) yang menjadi sebab musabab (*asbab*) kepada tindakan manusia yang akan menjadi akibatnya (*natayg*) dan hasilnya boleh menghuraikan fenomena sosial dan fakta sosial secara keseluruhan.

Sains bagi Ibnu Khaldun ialah sekumpulan ilmu pengetahuan yang bersistem, dan semua sains adalah bergantungan. Teori ilmu pengetahuan beliau menunjukkan beliau adalah seorang empiris dan positivis dan beliau mempercayai mengetahui bermakna mengetahui sebab-musabab sesuatu. Kebanyakan ilmu pengetahuan diperoleh melalui deria dan falsafah. Ibnu Khaldun membahagikan pengetahuan sains kepada tiga bahagian utama menyerupai apa yang terdapat dalam agama Islam. Bahagian yang pertama ialah pengetahuan kognitif atau persepsi, kajian mengenai manusia dan diri sendiri seperti ilmu psikologi. Seterusnya bahagian yang kedua ialah pengetahuan logik yang diperoleh melalui kesimpulan yang logik, seperti ilmu logik, tatabahasa, bahasa, linguistik, antropologi, sejarah, ekonomi dan sosiologi. Manakala bahagian yang ketiga ialah pengalaman atau pengetahuan yang dialami iaitu prinsip akal yang universal seperti ilmu matematik

dan fizik. Setiap sains mempunyai penemuan dan penghuraian. Ilmu pengetahuan dan pengajaran adalah semulajadi dalam masyarakat manusia.

Menurut Oliver (1996) perubahan didapati lebih menggambarkan ciri-ciri pendidikan berbanding dengan kestabilan dan kadangkala mewujudkan ketidakpastian maka ketidakpastian ini mestilah dielakkan kerana akan meruntuhkan masa depan generasi muda. Pendidikan berperanan sebagai pelestari kebudayaan dan sistem sosial (*system of conservation*). Tetapi ada budaya yang tidak sesuai atau adanya budaya baru yang perlu dimasukkan maka pendidikan sebagai pembawa perubahan. Perubahan-perubahan ini boleh dikategorikan dalam beberapa kategori seperti reformasi dan pendemokrasian pendidikan, ilmu pengetahuan, teknologi baru serta globalisasi. Ini bertepatan dengan pemikiran Ibnu Khaldun mengenai pendidikan yang mencakupi peningkatan daripada segi pemikiran dan pengetahuan manusia, pembinaan jiwa, akhlak dan jasmani. Pergertian pendidikan khususnya pendidikan tinggi dengan berbekalkan proses pembekalan pelbagai ilmu dan ketrampilan yang diperlukan oleh pelajar sesuai dengan taraf kemampuan mereka, di samping proses pembersihan diri serta daripada sifat tercela dan menggantikannya dengan sifat-sifat yang terpuji dengan tujuan agar pelajar sempurna pertumbuhannya.

Perubahan tidak berlaku sendiri tetapi memerlukan faktor-faktor yang mendorong sama ada dari dalam, atau dari luar, ataupun melibatkan kedua-duanya serta memerlukan juga kerjasama mereka yang terlibat untuk menerimanya. Menurut Amir Hasan Dawi (2002) dalam pendidikan, sistem pendidikan barat telah berjaya mengevolusikan seluruh masyarakat dunia dan kini sistem pendidikan barat dianggap sebagai sesuatu yang universal. Perubahan dalam masyarakat dan budaya merupakan satu fenomena yang sejagat berlaku dalam semua kumpulan manusia, baik dalam masyarakat dan budaya semasa atau masyarakat dan budaya lampau; baik dalam masyarakat yang ringkas mahupun yang kompleks. Ada beberapa perbezaan dari segi corak dan tingkat perubahan berlaku dalam semua aspek kehidupan manusia. Maka penyusunan kurikulum yang dianjurkan oleh Ibnu Khaldun baik pada pendidikan dasar mahupun pendidikan tinggi hendaklah diselaraskan dengan perkembangan akal pelajar dan sesuai pula pada situasi terutama pada kurikulum pendidikan tinggi yang mana kurikulumnya dititikberatkan kepada ilmu-ilmu pokok yang dituju antara lain Al-Quran, hadis, fiqh dan pelbagai ilmu lain.

Apabila dunia terus berubah tetapi pendidikannya masih berada di takuk lama, ia membawa akibat buruk pada kemajuan sebuah bangsa dan negara (Kasali, 2008). Menurut Ibnu Khaldun antara tujuan pendidikan bukanlah hanya membentuk generasi yang dibekali dengan ilmu pengetahuan yang bermanfaat, tetapi pada waktu yang sama bertujuan membentuk generasi yang terampil dan mampu terjun di lapangan. Bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara menjelaskan bahawa matlamat pendidikan adalah pembangunan potensi mahasiswa secara menyeluruh dan bersepada agar graduan itu kelak seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan prinsip ketaqwaan kepada Allah (Sidek Baba 2006). Pembangunan sahsiah mahasiswa merupakan faktor terpenting ke arah objektif ini di mana aspek daya kepimpinan dan akhlak mulia diberi keutamaan (Mohd. Zulkifli 2001). Secara implisitnya, matlamat pendidikan adalah untuk

menghasilkan warganegara yang mempunyai jati diri di mana di tangan mereka akan diharapkan akan terlahirnya rakyat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Habib 2005).

Tujuan pendidikan yang paling sederhana yang dapat disebutkan ialah perubahan positif yang ingin dicapai oleh proses atau usaha pendidikan, baik perubahan tersebut terjadi kepada tingkahlaku, pada kehidupan peribadi dan masyarakat dan pada lingkungan di mana peribadi itu hidup mahupun dalam aktiviti pendidikan itu sendiri dan dalam praktikal pengajaran sebagai suatu kegiatan asasi dan sebagai salah satu profesion utama dalam masyarakat (Gamal Abdul Nasir Zakaria 2003). Selain itu, fungsi utama pendidikan ialah untuk menyalurkan kebudayaan. Oleh kerana matlamat dan nilai kebudayaan berbeza-beza daripada sebuah masyarakat yang lain dan juga dari semasa ke semasa yang lain pula, maka kandungan atau kurikulum pendidikan juga turut berubah. Misalnya, pada hari ini penekanan dalam pendidikan ialah kepada sains dan teknologi kerana pembangunan negara bergantung kepadanya. Melalui proses pendidikan, anak-anak muda disemai supaya menerima dan menghayati nilai-nilai yang terdapat dalam adat resam dan lain-lain institusi yang ada dalam masyarakat seperti agama dan keluarga. Di samping mempunyai fungsi mengekalkan kebudayaan, pendidikan juga merupakan agen perubahan sosial kerana melalui pendidikan banyak ciptaan dan teknologi baru di rekacipta. Antara penciptaan yang berlaku ialah dengan terasasnya ilmu sosiologi dan ‘sains baru’ oleh tokoh ketamadunan Islam terkenal iaitu Ibnu Khaldun.

IDEA ILMU PENGETAHUAN ILMU KHALDUN DALAM SOSIOLOGI: SEJARAH

Ibnu Khaldun membuka lembaran baru dalam kajian sejarah. Dalam *Mukaddimah*, beliau memulakan dengan mengembangkan definisi sejarah bagi mencakupi kajian keseluruhan masa lampau manusia dari aspek sosial, ekonomi dan kebudayaan. Pada pendapat beliau, sejarah sebenar mestilah mengenai manusia yang membuat dan mengeluarkan keperluan hidup serta berinteraksi sesama mereka. Dan bukannya mengenai individu sahaja. Isi sejarah dalam kehidupan manusia dalam keseluruhan dan keterbilangannya, dan subjek kajian ahli sejarah adalah perkembangan masyarakat dari segi ruang dan waktu. Sejarah menurut beliau juga berkait dengan sosiologi, dan sosiologi berkait dengan sejarah. *Mukaddimah* Ibnu Khaldun menunjukkan kaedah baru menulis sejarah dan memahami tindakan manusia.

Sejarah mestilah mempunyai unsur yang kritis. Penulisan sejarah seperti didefinisikan oleh beliau ialah mengenai sebab musabab semulajadi dan akibat. Mengikut beliau juga, hal ini ahli sejarah yang saintifik bukan semata-mata memulakan dengan sesuatu keadaan yang memerlukan penghuraian, tetapi juga dengan dokumen yang memerlukan pemeriksaan dan analisis yang kritikal. Sejarah juga mempunyai banyak penghuraian dan sedikit teori, manakala sosiologi banyak teori tetapi sedikit penghuraian. Baginya ialah setiap tanggapan tentang sejarah adalah relatif terhadap masa dan keadaan. Beliau memerhatikan, melalui kajian

secara saintifik sosiologi dan sejarah dapat menentukan apa yang normal dan apa yang tidak normal, serta dengan itu memberi pandangan yang rasional tentang isu-isu sosial semasa. Pada ketika lain beliau membezakan antara keduanya dengan menggunakan istilah khusus : Sains Sosiologi (*ilm-al-Umran*) dan Sejarah (*tarikh*).

IDEA ILMU PENGETAHUAN ILMU KHALDUN DALAM SOSIOLOGI SOSIAL: MASYARAKAT LUAR DAN MASYARAKAT BANDAR

Sebilangan ahli sosiologi yang disebutkan lebih awal telah memberi penghormatan kepada Ibnu Khaldun sebagai pemikir pertama yang mengesan perhubungan dinamik di kalangan masyarakat primitif, nomad, luar bandar dan bandar. Beliau yakin, masyarakat beranjak daripada bentuk sederhana kepada bentuk kompleks, dalam setiap bidang termasuk menyara diri, kemahiran, atau pertukangan, adat resam dan sains. Beliau juga menyebut tentang tahap keinginan, bermula dengan usaha untuk memenuhi keperluan yang lebih terperinci. Bagi Ibnu Khaldun iaitu perpaduan kelompok menyokong sebarang gerakan sosial yang berjaya, berasal dan mampu bertahan hanya dalam masyarakat bersuku.

Beliau berminat ke atas kehidupan suku dan nomad sebagai bidang kajian kerana beliau mengakui, mereka lah yang memulakan pertumbuhan sesebuah negara. Baginya semua aspek kehidupan politik seperti kedaulatan, bahkan agama juga mempunyai akar umbi dalam suku. Masyarakat Arab pra-Islam berasaskan kepada kekerabatan pertalian darah atau *asabiya*. Ikatan yang kuat menghubungkan ahli suku sehingga suku Arab pra-Islam sebenarnya adalah keluarga yang besar. Seperti semua masyarakat nomad, asas unit sosial masyarakat pra-Islam bukanlah individu tetapi kelompok. Secara perseorangan, seorang individu tidak mustahak, ini kerana sebab kuasa, pengaruh dan prestijnya berpunca daripada keluarga dan kelompoknya. Kelompok bertanggungjawab ke atas jenayah yang dilakukan oleh seorang individu, membentuk kehidupan norma tertentu dan melindunginya daripada musuh-musuhnya.

Pertalian darah dan kemurnian bangsa adalah penting, tetapi pertalian darah dan perhubungan kebudayaan saling bercampuran, dan dalam kebanyakan kes orang asing menikmati kesatuan bersama perpaduan disebabkan oleh kerjasama yang berterusan serta saling bergantung sesama ahli. Lazimnya, kepimpinan terletak dalam tangan suatu keluarga tetapi kuasa politiknya bergantung pada dua faktor : kegiatan ekonomi bersama dan *esprit de corps* (perpaduan). Terdapat faktor lain yang menambah kekutan dan kewajipan *asabiya*, seperti kedektan fizikal dan persanakan yang rapat. Sekiranya pihak yang terlibat dalam *asabiya* itu tinggal bersama-sama komuniti, ia akan memperkuatkan semangat kelompok mereka. Ini dapat dijelaskan dengan melihat kepada perhubungan pergantungan. Perpaduan yang istimewa akan wujud antara seorang penaung dengan mereka di bawah naugannya, yang merapatkan perhubungan sesama mereka walaupun tidak ada sebarang pertalian darah di kalangan mereka. Lagi pula, kaum kerabat yang tinggal berjauhan tidak dapat mengembangkan perpaduan sosial kecuali secara kiasan sahaja kerana dalam keadaan seumpama itu *asabiya* tidak dapat memainkan fungsinya yang utama, iaitu saling membantu.

Perpaduan kelompok membentuk bahagian yang penting dalam kerangka rujukan beliau. Juga inti pati sosiologi politik beliau adalah konsepnya tentang perpaduan sosial atau *asabiya*. Beliau menggunakan konsep itu secara berhemat dan bijaksana untuk menghuraikan pelbagai aspek kehidupan sosial di samping untuk mengemukakan bentuk dikotomi tertentu bagi maksud analisis dan pentafsiran. Sehingga fenomena sosial bergantung pada perpaduan kelompok atau *asabiya*, sebab akhirnya agama berkehendakkan perubahan sosial dan dominasi massa, dan ini tidak dapat dicapai melainkan melalui sokongan seorang nabi yang mempunyai perpaduan kelompok yang kuat. Ini dapat diterangkan dan diperjelaskan perpaduan atau *asabiya* dengan merujuk kepada kemenangan tentera Islam dalam pertempuran di Qadisiyah dan Yarmuk pada awal sejarah Islam. Walaupun tentera Islam hanya berjumlah 30000 orang sedangkan tentera Parsi ketika itu 120000 orang dan tentera Rom 400000 orang. Namun tentera Arab dapat mengalahkan kedua-dua tentera itu dan atas sebab ini Ibnu Khaldun berkali-kali menyebut, gerakan keagamaan tidak berjaya tanpa perpaduan kelompok atau *asabiya*.

Pada pandangan Ibnu Khaldun, masyarakat adalah hamba kepada “proses kitaran”. Setiap masyarakat dilahirkan, menghampiri kesempurnaan, runtuh dan digantikan oleh masyarakat lain pula. Disebabkan ”proses kitran” inilah, maka sistem nomad berubah. Sistem bandar muncul, berikutnya menghilang, memberi ruang untuk kemunculan masyarakat nomad yang baru. Pada permulaannya, masyarakat berubah daripada gaya hidup nomad kepada gaya hidup bandar, menjana kuasa sosial dan autoriti yang berbeza daripada ”kuasa kerohanian” yang ada pada pemimpin suku. Apabila suku-suku bertelingkah, mana-mana suku yang lebihstabil keadaannya akan mendominasikan suku yang lain. Suku itu kemudiannya akan memperluaskan daerah dominasinya, menakluki mana-mana jajahan yang lebih lemah. Selepas itu, perasaan *esprit de corps* berkurangan ; kesatuan sosial menghilang dan zaman menakluki suku lain pun berakhir, dan suku lain puak memulakan kitaran sejarah baru.

KESIMPULAN

Semua manusia, masyarakat, negara dan peradaban melalui tahap kitaran kemunculan, pertumbuhan dan keruntuhan. Walaubagaimanapun, hayat peradaban adalah lebih panjang berbanding hayat negara, kerana keupayaan kebudayaan yang diperoleh oleh individu dan masyarakat membolehkan ia mengatasi disintegrasi politik. Maka bertepatanlah dengan usaha pelopor ulung tamadun Islam iaitu Ibnu Khaldun yang begitu menyeluruh dan lengkap. Beliau merupakan seorang tokoh epistemologi yang mempunyai pemerhatian dan ilmu pengetahuan yang kukuh dalam arena politik dan sains Barat. Sumbangan beliau ini telah menjadi suatu wacana sejarah dan falsafah yang tidak ada tolok bandingnya dalam sains pada abad pertengahan. Begitu juga dengan teori-teori beliau yang telah menjadikan beliau seorang yang sangat memahami tamadun dunia Islam. Menurut Ibnu Khaldun, untuk memahami masyarakat, seseorang itu mesti mengkaji ciri-ciri masyarakat, organisasinya dari individu dan kelompok yang paling ringkas seterusnya membawa kepada negara politik yang tersusun. Karya beliau bertajuk *Mukaddimah* memperkatakan tentang saling perkaitan antara topik dengan keadaan sosial

kerangka rujukan umum beliau. Idea beliau ini membolehkan beliau menekankan dua prinsip saintifik yang penting. Pertamanya adalah hukum sebab-musabab, atau sebagaimana yang beliau haraikan, “Setiap peristiwa, sama ada objek ataupun tindakan, mempunyai tempatnya yang tersendiri.” Manakala prinsip yang kedua adalah saling kebergantungan antara fenomena sosial. Pengamatan beliau dengan terjadinya keruntuhan dan kelemahan yang menimpa dunia Islam pada ketika itu dan menyaksikan sendiri kemunduran kebudayaan Arab-Islam telah menyebabkan beliau berusaha keras untuk menerangkan kepada umat masa kini dengan curahan pelbagai hasil karya yang hebat. Usaha-usaha beliau yang merupakan kunci ke arah pemahaman sejarah kemunduran sentiasa dijadikan rujukan pengkaji-pengkaji barat. Seharusnya setiap daripada umat Islam terkesan dengan sejarah lama dunia Islam. Kematangan Ibnu Khaldun dalam pemikiran mengenai peradaban keseluruhannya membuatkan umat Islam berbangga dan menghargai pengajaran dan ilmu yang telah disampaikan oleh beliau sehingga kini. Kemajuan dan kemunduran yang dialami oleh umat Islam itu, bukanlah seperti sebuah garis lurus, tetapi naik-turun dan berlangsung beberapa abad lamanya. Perbagai usaha telah dilakukan untuk mengelak kemunduran itu, namun terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kemerosotan terus berlangsung hingga saat ini. Faktor utama untuk menghindari kemunduran tersebut adalah dengan kembali kepada ajaran Islam yang sesungguhnya yang berorientasi kepada orientasi falah, yakni menuju kemakmuran di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abd. Rashid. (2006). *Agenda Perubahan Pengurusan Sumber Manusia dan Kerja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Abdul Razak Ahmad, Rozita Abdul Latif & Didi Saripudin. 2008. *Masyarakat dan Pendidikan*. Pahang: Yayasan Istana Abdul Aziz.
- Amir Hasan Dawi. (2002). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan* : Edisi Kedua. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Amir Hasan Dawi. (2009). *Sekolah dan Masyarakat*. Tanjung Malim:Quatum Books.
- Azam Hamzah. (2006). *Sumbangan Tamadun Islam kepada Peradaban Dunia*. Kuala Lumpur : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Faisal Othman. (1993). Pendidikan: konsep dan realiti. Dalam. Ismail Ab. Rahman (pnyt.). *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fathiyyah Hasan Sulaiman. (1987). *Pandangan Ibnu Khaldun tentang Ilmu dan Pendidikan*. Bandung: Penerbit Cv. Diponegoro.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Gelles, R. J & Levine, A. (1999). *Sociology: An Introduction*. Edisi keenam. United States of America: McGraw-Hill College.

- Habib Mat Som. (2005). "Kearah pembentukan jati diri pelajar: satu analisis". *Dalam Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan*. Bentong, Pahang: PTSProfessional.
- Inan,Mohammad Abdullah. (1979). *Ibnu Khaldun*. New Delhi: Prince Offset Printers Pataudi House, Darya Ganj.
- Kasali, R. (2008). *Change! Berubahlah*. PTS Millennia: Kuala Lumpur.
- Lindsey, L. L & Beach, S. (2000). *Sociology: social life and social issues*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Lyotard, J.F. (1984). *The postmodern condition*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Macionis, J. J. (2001). *Sociology*. Edisi kelapan. New Jersey : Prentice Hall.
- Mohammed Sani Ibrahim, Mohd Izham Mohd Hamzah & Jainabee Md Kassim. (2008). *Sekolah Berkesan: konsep dan ciri utama*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zulkifli Mohd Ghazali. (2007). *Mendepani Cabaran ke arah Universiti Bertaraf Dunia*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Olive Banks. (1987). Terj. Robiah & Zaiton Sidin, *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Robin Usher, Bylan Bryant & Rennie Johnston. (1997). *Adult education and the postmodern challenge, learning beyond the limits*. London: Routledge.
- Rohana Yusof. (1996). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Ampang: Perpustakaan Negara Malaysia
- Rozalli Hashim. (2005). *Pengurusan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saleh Faghirzadeh. (2004). *Sosiologi Sosiologi*. Kuala Lumpur: Institut terjemahan Negara Malaysia.
- S. M. A. Imam. (2000). *Some Aspects of Ibn Khaldun Socio Political Analysis History. A critical appreciation*. New Delhi: Nice printing press. Nusrat Ali Nasri for Kitab Bhavan.
- Scupin. R. (2005). *Cultural Anthropology: A Global Perspective*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani:mengenal Allah melalui ilmu dunia*. Shah Alam: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. (1986). Perubahan sosial: teori-teori klasik dan moden. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, 14, 39-49.
- Zainab Al-Khudhairi. (1979). *Filsafat Sejarah Ibnu Khaldun*. Bandung: Perpustakaan Salaman Institut Teknologi Bandung.